



27 November 2015
27 November 2015
P.U. (A) 276

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2015

ARCHITECTS (AMENDMENT) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*], Lembaga Arkitek Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Arkitek (Pindaan) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 30 November 2015.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 [*P.U. (A) 379/1996*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Arkitek Profesional” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Arkitek”;

(b) dengan menggantikan perkataan “seorang Arkitek Profesional” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “seorang Arkitek”; dan

(c) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “A Professional Architect” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “An Architect”.

Pindaan kaedah 4

3. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subkaedah (1), dalam keadaan luar biasa Pengerusi boleh memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga hari untuk memanggil suatu mesyuarat.”.

Pindaan kaedah 17

4. Kaedah 17 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) orang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai—

- (i) seorang Arkitek di bawah subseksyen 10(2) Akta;
- (ii) seorang Arkitek Siswazah di bawah subseksyen 10(1) Akta;
- (iii) seorang Pelukis Pelan Bangunan di bawah seksyen 22 Akta;
- (iv) seorang Pereka Bentuk Dalaman di bawah subseksyen 27D(2) Akta;
- (v) seorang Pereka Bentuk Dalaman Siswazah di bawah subseksyen 27D(1) Akta;
- (vi) seorang Pemeriksa Tapak di bawah subseksyen 27M(1) Akta; atau
- (vii) seorang Teknologis Seni Bina di bawah subseksyen 27V(1) Akta; atau”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “sementara”.

Pindaan kaedah 20

5. Kaedah 20 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seorang Arkitek Siswazah, Arkitek Profesional, Pelukis Pelan Bangunan atau Pereka Bentuk Dalaman, atau pendaftaran sementara arkitek asing sebagai seorang Arkitek Profesional” dengan perkataan “seorang Arkitek, seorang Arkitek Siswazah, seorang Pelukis Pelan Bangunan, seorang Pereka Bentuk Dalaman, seorang Pereka Bentuk Dalaman Siswazah, seorang Pemeriksa Tapak, seorang Teknologis Seni Bina, atau pendaftaran seorang arkitek asing sebagai seorang Arkitek”.

Penggantian kaedah 21

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 21 dengan kaedah yang berikut—

“Perakuan 21. Apabila suatu permohonan untuk pendaftaran pendaftaran. sebagai seorang Arkitek, seorang Arkitek Siswazah, seorang Pelukis Pelan Bangunan, seorang Pereka Bentuk Dalaman, seorang Pereka Bentuk Dalaman Siswazah, seorang Pemeriksa Tapak, seorang Teknologis Seni Bina atau pendaftaran seorang arkitek asing sebagai seorang Arkitek, diluluskan oleh Lembaga, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 22

7. Kaedah 22 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “Tiap-tiap Arkitek Siswazah atau Arkitek Profesional” dengan perkataan “ Tiap-tiap Arkitek atau Arkitek Siswazah”;
- (b) dalam subkaedah (3), memasukkan selepas perkataan "Tiap-tiap Pereka Bentuk Dalaman" perkataan "atau Pereka Bentuk Dalaman Siswazah"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (3) subkaedah yang berikut:

“(4) Tiap-tiap Pemeriksa Tapak yang berhasrat untuk membaharui pendaftarannya di bawah subseksyen 27M(4) Akta hendaklah memohon kepada Lembaga secara bertulis pada atau sebelum 31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftarannya habis tempoh dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.

(5) Tiap-tiap Teknologis Seni Bina yang berhasrat untuk membaharui pendaftarannya di bawah subseksyen 27V(4) Akta hendaklah memohon kepada Lembaga secara bertulis pada atau sebelum 31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftarannya habis tempoh dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.”.

Pindaan kaedah 24

8. Kaedah 24 Kaedah-Kaedah ibu di pinda—

(a) dalam subkaedah (1B), dengan memasukkan selepas perkataan “Mana-mana Pereka Bentuk Dalaman” perkataan “atau Pereka Bentuk Dalaman Siswazah”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (1B) subkaedah yang berikut:

“(1C) Mana-mana Pemeriksa Tapak yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar menurut perenggan 27Q(b) Akta kerana tidak membaharui pendaftarannya hendaklah dalam masa lima tahun dari tarikh namanya dikeluarkan, apabila memberitahu Pendaftar akan hasratnya untuk dimasukkan semula menurut subseksyen

27R(2) Akta, secara bertulis menyatakan butir-butir penggajian atau pekerjaannya pada tarikh pemberitahuannya kepada Pendaftar.

(1D) Mana-mana Teknologis Seni Bina yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar menurut perenggan 27Z(b) Akta kerana tidak membaharui pendaftarannya hendaklah dalam masa lima tahun dari tarikh namanya dikeluarkan, apabila memberitahu Pendaftar akan hasratnya untuk dimasukkan semula menurut subseksyen 27ZA(2) Akta, secara bertulis menyatakan butir-butir penggajian atau pekerjaannya pada tarikh pemberitahuannya kepada Pendaftar.”.

Pindaan kaedah 26

9. Kaedah 26 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subkaedah (1)” perkataan “dan subperenggan 10(2)(a)(i) dan (ii) Akta”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Ahli Korporat Pertubuhan Arkitek Malaysia yang disebut dalam subperenggan 10(2)(a)(ii) Akta hendaklah layak atas permohonan untuk didaftarkan sebagai seorang Arkitek jika dia—

(a) mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga;

(b) berdaftar dengan Lembaga sebagai seorang Arkitek Siswazah; dan

- (c) telah memperoleh pengalaman praktikal dan lulus peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 27

10. Kaedah 27 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “sementara” di mana-mana jua terdapat; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “negara di mana dia biasa menjalankan amalan” dengan perkataan “negara asalnya”; dan

(b) dalam subkaedah (3) dan (4), dengan memotong perkataan “sementara”.

Pindaan tajuk Bahagian IV

11. Tajuk Bahagian IV Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “PROFESIONAL”.

Pindaan kaedah 28

12. Kaedah 28 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “Profesional”;

(b) dalam subkaedah (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “Kod Tatakelakuan Profesional untuk Arkitek Profesional” dengan perkataan “Kod Tatakelakuan untuk Arkitek”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (4) subkaedah yang berikut:

“(5) Seseorang Pereka Bentuk Dalam Siswazah hendaklah, dalam menjalankan profesionnya, mematuhi dan berpandukan peruntukan perenggan 1, perenggan 4 kecuali subperenggan 4(5), 4(7), 4(15), subperenggan 2(4), 2(5), 2(6), 3(1), 3(3), 5(3) dan 5(4), dan subsubperenggan 3(5)(b), (c) dan (d), Kod Tatakelakuan untuk Pereka Bentuk Dalam dalam Bahagian Tiga Jadual Kedua.

(6) Seseorang Pemeriksa Tapak hendaklah, dalam menjalankan profesionnya, mematuhi dan berpandukan peruntukan Kod Tatakelakuan Bagi Pemeriksa Tapak sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Seseorang Teknologis Seni Bina hendaklah, dalam menjalankan profesionnya, mematuhi dan berpandukan peruntukan Kod Tatakelakuan Bagi Teknologis Seni Bina sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 29

13. Subkaedah 29(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Bahagian Kedua Jadual Ketiga” perkataan “dan Memorandum Perjanjian dalam Bahagian Ketiga Jadual Keempat”.

Kaedah baru 30A dan 30B

14. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 30 kaedah yang berikut:

“Lembaga 30A. (1) Suatu lembaga pengarah suatu pertubuhan perbadanan pengarah bagi yang didaftarkan sebagai pengamal perundingan seni bina di bawah pertubuhan subperenggan 7A(3)(c) Akta hendaklah terdiri daripada— perbadanan yang (a) sekurang-kurangnya dua pertiga anggotanya didaftarkan ialah Arkitek dan baki anggota lembaga pengarah sebagai boleh terdiri daripada mana-mana orang; dan

pengamal perundingan seni bina. (b) sekurang-kurangnya seorang orang yang disebut di bawah subperenggan 7A(3)(c)(iv) Akta.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), hanya pengarah yang merupakan seorang Arkitek boleh membuat keputusan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan perundingan seni bina.

Modal berbayar dan pegangan saham oleh pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai pengamal perundingan. 30B. Suatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai pengamal perundingan di bawah perenggan 7A(3)(c) Akta hendaklah mempunyai—

(a) suatu modal berbayar minimum sebanyak lima puluh ribu ringgit; dan

(b) sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus ekuiti saham dipegang oleh Arkitek dan baki ekuiti saham boleh dipegang oleh—

(i) mana-mana orang;

(ii) mana-mana pertubuhan perbadanan; atau

(iii) mana-mana orang dan pertubuhan perbadanan.”.

Kaedah baru 32BA

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 32B kaedah yang berikut:

“Pendaftaran Ahli Korporat Institut Pereka Bentuk Dalam Malaysia di bawah perenggan 27D(3)(b) Akta hendaklah layak atas permohonan untuk didaftarkan sebagai Pereka Bentuk Dalamannya jika dia—
32BA. Seorang Ahli Korporat Institut Pereka Bentuk Dalamannya di bawah perenggan 27D(3)(b) Akta hendaklah layak atas permohonan untuk didaftarkan sebagai Pereka Bentuk Dalamannya jika dia—

- Malaysia.
- (a) mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga;
- (b) berdaftar dengan Lembaga sebagai seorang Pereka Bentuk Siswazah; dan
- (c) telah memperoleh pengalaman praktikal dan lulus peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan Jadual Pertama

16. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan memotong Bahagian Satu; dan
- (b) dengan menggantikan Bahagian Dua dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN DUA

[Kaedah 20, 22, 24, 25, 30, 32, 32A, 32B, 32D dan 32E]

FI PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN DAN PEMASUKAN SEMULA PENDAFTARAN, DAN PENAMBAHAN ATAU PERUBAHAN KAWASAN PENGENDALIAN YANG DILULUSKAN

<i>Butiran</i>	<i>Butir-Butir pemohon</i>	<i>Fi Pemposesan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 20, subkaedah 30(2) dan 32B(2))</i>	<i>Fi Pendaftaran</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 20, subkaedah 30(2) dan 32B(2))</i>	<i>Fi Pembaharuan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 22, subkaedah 32(1) dan 32D(1))</i>	<i>Fi Pemasukan Semula</i> <i>(RM)</i> <i>(subkaedah 24(2), 32A(2) dan 32E(2))</i>	<i>Fi untuk Penambahan/Perubahan bagi kawasan pengendalian yang diluluskan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 25)</i>
1.	Arkitek Siswazah	100.00	100.00	75.00	100.00	Tidak berkeajaan
2.	Arkitek	100.00	500.00	300.00	500.00	Tidak berkeajaan
3.	Pelukis Pelan Bangunan	100.00	Tidak berkeajaan	200.00	200.00	30.00 (bagi setiap kawasan)

<i>Butiran</i>	<i>Butir-Butir pemohon</i>	<i>Fi Pemposesan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 20, subkaedah 30(2) dan 32B(2))</i>	<i>Fi Pendaftaran</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 20, subkaedah 30(2) dan 32B(2))</i>	<i>Fi Pembaharuan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 22, subkaedah 32(1) dan 32D(1))</i>	<i>Fi Pemasukan Semula</i> <i>(RM)</i> <i>(subkaedah 24(2), 32A(2) dan 32E(2))</i>	<i>Fi untuk Penambahan/Perubahan bagi kawasan pengendalian yang diluluskan</i> <i>(RM)</i> <i>(kaedah 25)</i>
						pengendalian yang diluluskan)
4.	Pereka Bentuk Dalaman	100.00	400.00	250.00	400.00	Tidak berkeajaan
5.	Pereka Bentuk Dalaman Siswazah	100.00	100.00	75.00	100.00	Tidak berkeajaan
6.	Arkitek Asing	100.00	1500.00	1200.00	1500.00	Tidak berkeajaan
7.	Pemeriksa Tapak	100.00	300.00	200.00	300.00	Tidak berkeajaan
8.	Teknologis Seni Bina	100.00	300.00	200.00	300.00	Tidak berkeajaan
9.	Pengamal perundingan seni bina:					
	(a) Pertubuhan Perbadanan	100.00	1200.00	1000.00	1200.00	Tidak berkeajaan
	(b) Perkongsian	100.00	1200.00	1000.00	1200.00	Tidak berkeajaan
	(c) Ketuanpunyaan Tunggal	100.00	750.00	500.00	750.00	Tidak berkeajaan
10.	Pengamal perundingan pereka bentuk dalaman:					
	(a) Pertubuhan Perbadanan	100.00	750.00	750.00	750.00	Tidak berkeajaan
	(b) Perkongsian	100.00	750.00	750.00	750.00	Tidak berkeajaan
	(c) Ketuanpunyaan Tunggal	100.00	450.00	450.00	450.00	Tidak berkeajaan

Pindaan Jadual Kedua

17. Jadual Kedua kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Bahagian Satu, dalam tajuk, dengan memotong perkataan “PROFESIONAL”.

Pindaan Jadual Ketiga

18. Jadual Ketiga kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian Satu, dalam subperenggan 9(a);

(b) dalam Bahagian Dua, dalam subperenggan 9(a); dan

(c) dalam Bahagian Tiga, dalam subperenggan 9(a),

dengan menggantikan perkataan "penyelia kerja" dengan perkataan “Pemeriksa Tapak”.

Pindaan Jadual Keempat

19. Jadual Keempat kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian Satu—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

"(4A) Tempoh pembayaran fi kepada Arkitek hendaklah hari dari tarikh fi dituntut (jika tiada tempoh masa ditetapkan fi hendaklah dibayar dalam masa 28 hari).”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

“(6) *Jumlah yang disebut dalam subperenggan 8(c) Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek untuk kerja perubahan ialah RM”;

(b) dalam Bahagian Dua dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

“(4A) Tempoh pembayaran fi kepada Pereka Bentuk Dalam hendaklah hari dari tarikh fi dituntut (jika tiada tempoh masa ditetapkan fi hendaklah dibayar dalam masa 28 hari).”; dan

(c) dengan memasukkan selepas Bahagian Dua Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN TIGA

[Subkaedah 29 (2)]

MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA KLIEN DAN
PELUKIS PELAN BANGUNAN UNTUK
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN SENI BINA

MEMORANDUM PERJANJIAN dibuat pada hari20

ANTARA
(kemudian daripada ini disebut "Klien", yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) pada satu pihak,

DAN
yang menjalankan amalan sebagai Pelukis Pelan Bangunan di

* di bawah nama (nama amalan, sekiranya ada)

.....
(kemudian daripada ini disebut "Pelukis Pelan Bangunan", yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) di pihak satu lagi.

BAHAWASANYA Klien berhasrat untuk melantik Pelukis Pelan Bangunan untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina (perihalkan skop kerja)

.....
untuk projek yang diperihalkan di sini (nyatakan tajuk projek dan lokasi)

.....
.....(selepas
ini dirujuk sebagai "Projek")

MAKA DENGAN INI bersetuju seperti yang berikut:

1. Klien dengan ini melantik Pelukis Pelan Bangunan untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina untuk Projek tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Pelukis Pelan Bangunan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 dan Pelukis Pelan Bangunan dengan ini menerima pelantikan bagi maksud memberikan perkhidmatan perundingan seni bina bagi Klien itu, tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Pelukis Pelan Bangunan.
2. Memorandum Perjanjian ini, Syarat-Syarat Guna Khidmat Pelukis Pelan Bangunan dan fi yang akan ditentukan oleh Lembaga hendaklah bersama membentuk Perjanjian antara Klien dengan Pelukis Pelan Bangunan.
3. Sebagai balasan kepada Pelukis Pelan Bangunan memberikan perkhidmatan perundingan seni bina yang dikehendaki, Klien dengan ini bersetuju untuk membayar Pelukis Pelan Bangunan mengikut fi yang akan ditentukan oleh Lembaga.
4. Lat tempoh pembayaran *setiap bulan/..... bermula dari permulaan pelantikan Pelukis Pelan Bangunan itu.
5. Tempoh pembayaran fi kepada Pelukis Pelan Bangunan hendaklah hari dari tarikh fi dituntut (jika tiada tempoh masa ditetapkan fi hendaklah dibayar dalam masa 28 hari).
6. * Amaun yang disebut dala m subperenggan 8(c) Syarat-Syarat Guna Khidmat Pelukis Pelan Bangunan untuk kerja perubahan ialah RM

DENGAN DISAKSIKAN kedua-dua pihak dengan ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang pertamanya bertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

.....
untuk dan bagi pihak
KLIEN

.....
(Tandatangan Klien)

Di hadapan

Nama:
(Saksi)

Alamat:
.....
.....

.....

(Tandatangan Saksi)

DITANDATANGANI OLEH:

.....
untuk dan bagi pihak
PELUKIS PELAN BANGUNAN

.....
(Tandatangan Pelukis
Pelan Bangunan)

Di hadapan

Nama:
(Saksi)

Alamat:
.....
.....

.....
(Tandatangan Saksi)

** potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Di buat 24 November 2015
[KKR.PUU.110.1/2/2 Jld. 3; PN(PU2)45/VI]

DATUK Ar. PROF. Dr. AMER HAMZAH MOHD YUNUS
Pengerusi
Lembaga Arkitek Malaysia

Diluluskan 27 November 2015

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

ARCHITECTS ACT 1967

ARCHITECTS (AMENDMENT) RULES 2015

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Architects Act 1967 [Act 117], the Board of Architects Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Architects (Amendment) Rules 2015**.
- (2) These Rules come into operation on 30 November 2015.

General amendment

2. The Architects Rules 1996 [*P.U. (A) 379/1996*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended—
 - (a) by substituting for the words “Professional Architect” wherever appearing the word “Architect”;
 - (b) by substituting for the words “a Professional Architect” wherever appearing the words “an Architect”; and
 - (c) in the English language text, by substituting for the words “A Professional Architect” wherever appearing the words “An Architect”.

Amendment of rule 4

3. Rule 4 of the principal Rules is amended by inserting after subrule (1) the following subrule:

“(1A) Notwithstanding subrule (1), in exceptional circumstances the President may give a written notice of not less than three days to convene a meeting.”.

Amendment of rule 17

4. Rule 17 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) person desirous of being registered as—

- (i) an Architect under subsection 10(2) of the Act;
 - (ii) a Graduate Architect under subsection 10(1) of the Act;
 - (iii) a Building Draughtsman under section 22 of the Act;
 - (iv) an Interior Designer under subsection 27D(2) of the Act;
 - (v) a Graduate Interior Designer under subsection 27D(1) of the Act;
 - (vi) an Inspector of Works under subsection 27M(1) of the Act; or
 - (vii) an Architectural Technologist under subsection 27V(1) of the Act; or”;
- and

(b) in paragraph (b), by deleting the word “temporarily”.

Amendment of rule 20

5. Rule 20 of the principal Rules is amended by substituting for the words “a Graduate Architect, Professional Architect, Building Draughtsman or Interior Designer, or temporary registration of a foreign architect as a Professional Architect” the words “an Architect, a Graduate Architect, a Building Draughtsman, an Interior Designer, a Graduate Interior Designer, an Inspector of Works, an Architectural Technologist or registration of a foreign architect as an Architect”.

Substitution of rule 21

6. The principal Rules are amended by substituting for rule 21 the following rule—

“Certificate of registration. 21. Upon an application for registration as an Architect, a Graduate Architect, a Building Draughtsman, an Interior Designer, a Graduate Interior Designer, an Inspector of Works, an Architectural Technologist or registration of a foreign architect as an Architect being approved by the Board, the Registrar shall issue a certificate of registration in the forms as may be determined by the Board.”.

Amendment of rule 22

7. Rule 22 of the principal Rules is amended—

- (a) in subrule (1), by substituting for the words “Every Graduate Architect or Professional Architect” the words “Every Architect or Graduate Architect”;
- (b) in subrule (3), by inserting after the words “Every Interior Designer” the words “or Graduate Interior Designer”; and
- (c) by inserting after subrule (3) the following subrules:

“(4) Every Inspector of Works desirous of renewing his registration under subsection 27M(4) of the Act shall apply to the Board in writing on or before 31 January of the year following the year of expiration of his registration and such application shall be accompanied with the renewal fee as prescribed in Part Two of the First Schedule.

(5) Every Architectural Technologist desirous of renewing his registration under subsection 27V(4) of the Act shall apply to the Board in writing on or before 31 January of the year following the year of expiration of his registration and such application shall be

accompanied with the renewal fee as prescribed in Part Two of the First Schedule.”.

Amendment of rule 24

8. Rule 24 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1B), by inserting after the words “Any Interior Designer” the words “or Graduate Interior Designer”; and

(b) by inserting after subrule (1B) the following subrules:

“(1C) Any Inspector of Works whose name has been removed from the Register pursuant to paragraph 27Q(b) of the Act for failure to renew his registration shall within five years from the date of the removal, when notifying the Registrar of his desire to be reinstated pursuant to subsection 27R(2) of the Act, in writing state the particulars of his employment or occupation as on the date of his notification to the Registrar.

(1D) Any Architectural Technologist whose name has been removed from the Register pursuant to paragraph 27Z(b) of the Act for failure to renew his registration shall within five years from the date of the removal, when notifying the Registrar of his desire to be reinstated pursuant to subsection 27ZA(2) of the Act, in writing state the particulars of his employment or occupation as on the date of his notification to the Registrar.”.

Amendment of rule 26

9. Rule 26 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (2), by inserting after the words “subrule (1)” the words “and subparagraphs 10(2)(a)(i) and (ii) of the Act”; and

(b) by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(3) The Corporate Member of the Pertubuhan Arkitek Malaysia referred to in subparagraph 10(2)(a)(ii) of the Act shall be entitled on application to be registered as an Architect if he—

- (a) holds the qualification recognized by the Board;
- (b) is registered with the Board as a Graduate Architect; and
- (c) has obtained the practical experience and passed the examination as may be determined by the Board.”.

Amendment of rule 27

10. Rule 27 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1)—

- (i) by deleting the word “temporary” wherever appearing; and
- (ii) by substituting for the words “the country where he normally practises” the words “his country of origin”; and

(b) in subrules (3) and (4), by deleting the word “temporary”.

Amendment of heading of Part IV

11. The heading of Part IV of the principal Rules is amended by deleting the word “PROFESSIONAL”.

Amendment of rule 28

12. Rule 28 of the principal Rules is amended—

- (a) in the marginal note, by deleting the word “Professional”;
- (b) in subrules (1) and (2), by substituting for the words “Code of Professional Conduct for Professional Architect” the words “Code of Conduct for Architect”; and
- (c) by inserting after subrule (4) the following subrules:

“(5) A Graduate Interior Designer shall, in the exercise of his profession, observe and be guided by the provisions in paragraph 1, paragraph 4 except subparagraphs 4(5), 4(7), 4(15), subparagraphs 2(4), 2(5), 2(6), 3(1), 3(3), 5(3) and 5(4), and subparagraphs 3(5)(b), (c) and (d), of the Code of Conduct for Interior Designers in Part Three of the Second Schedule.

(6) An Inspector of Works shall, in the exercise of his profession, observe and be guided by the provisions of the Code of Conduct for Inspector of Works as may be determined by the Board.

(7) An Architectural Technologist shall, in the exercise of his profession, observe and be guided by the provisions of the Code of Conduct for Architectural Technologist as may be determined by the Board.”.

Amendment of rule 29

13. Subrule 29(2) of the principal Rules is amended by inserting after the words “Part Two of the Third Schedule” the words “and the Memorandum of Agreement in Part Three of the Fourth Schedule” .

New rules 30A and 30B

14. The principal Rules are amended by inserting after rule 30 the following rules:

“Board of directors of body corporate registered as architectural consultancy practice. 30A. (1) A board of directors of a body corporate registered as an architectural consultancy practice under subparagraph 7A(3)(c) of the Act shall comprise—

(a) at least two third of its members are Architects and the remaining members of the board of directors may be any persons; and

(b) at least one person referred to under subparagraph 7A(3)(c)(iv) of the Act.

(2) Notwithstanding subrule(1), only the director who is an Architect may make any decision relating to architectural consultancy services.

Paid-up capital and shareholding of body corporate registered as architectural consultancy practice. 30B. A body corporate registered as an architectural consultancy practice under paragraph 7A(3)(c) of the Act shall have—

(a) a minimum paid up capital of fifty thousand ringgit; and

(b) at least seventy percent of its share equity held by Architects and the remaining share equity may be held by—

(i) any person;

(ii) any body corporate; or

(iii) any person and body corporate.”.

New rule 32BA

15. The principal Rules are amended by inserting after rule 32B the following rule:

“Registration of Corporate Member of the Malaysian Institute of Interior Designers under paragraph 27D(3)(b) of the Act shall be entitled on application to be registered as an Interior Designer if he—

Institute of Interior Designers.

32BA. A Corporate Member of the Malaysian Institute of Interior Designers under paragraph 27D(3)(b) of the Act shall be entitled on application to be registered as an Interior Designer if he—

(a) holds the qualification recognized by the Board;

(b) is registered with the Board as a Graduate Interior Designer; and

(c) has obtained the practical experience and passed the examination as may be determined by the Board.”.

Amendment of First Schedule

16. The First Schedule to the principal Rules is amended—

(a) by deleting Part One; and

(b) by substituting for Part Two the following Part:

"PART TWO

[Rules 20, 22, 24, 25, 30, 32, 32A, 32B, 32D and 32E]

FEES FOR REGISTRATION, RENEWAL AND REINSTATEMENT OF REGISTRATION, AND
ADDITION OR VARIATION
OF APPROVED AREAS OF OPERATION

Item	Particulars of applicant	Processing Fee <i>(RM)</i> <i>(rule 20, subrules 30(2) and 32B(2))</i>	Registration Fee <i>(RM)</i> <i>(rule 20, subrules 30(2) and 32B(2))</i>	Renewal Fee <i>(RM)</i> <i>(rule 22, subrules 32(1) and 32D(1))</i>	Reinstatement Fee <i>(RM)</i> <i>(subrules 24(2), 32A(2) and 32E(2))</i>	Fee for Addition/ Variation of approved areas of operation <i>(RM)</i> <i>(rule 25)</i>
1.	Graduate Architect	100.00	100.00	75.00	100.00	Not applicable
2.	Architect	100.00	500.00	300.00	500.00	Not applicable
3.	Building Draughtsman	100.00	NA	200.00	200.00	30.00 (for each approved area of operation)
4.	Interior Designer	100.00	400.00	250.00	400.00	Not applicable
5.	Graduate Interior Designer	100.00	100.00	75.00	100.00	Not applicable
6.	Foreign architect	100.00	1500.00	1200.00	1500.00	Not applicable
7.	Inspector of Works	100.00	300.00	200.00	300.00	Not applicable
8.	Architectural Technologist	100.00	300.00	200.00	300.00	Not applicable
9.	Architectural consultancy practice:					
	<i>(a)</i> Body Corporate	100.00	1200.00	1000.00	1200.00	Not applicable
	<i>(b)</i> Partnership	100.00	1200.00	1000.00	1200.00	Not applicable
	<i>(c)</i> Sole	100.00	750.00	500.00	750.00	Not applicable

Item	Particulars of applicant	Processing Fee (RM) (rule 20, subrules 30(2) and 32B(2))	Registration Fee (RM) (rule 20, subrules 30(2) and 32B(2))	Renewal Fee (RM) (rule 22, subrules 32(1) and 32D(1))	Reinstatement Fee (RM) (subrules 24(2), 32A(2) and 32E(2))	Fee for Addition/ Variation of approved areas of operation (RM) (rule 25)
	proprietorship					
10.	Interior design consultancy practice:					
	(a) Body corporate	100.00	750.00	750.00	750.00	Not applicable
	(b) Partnership	100.00	750.00	750.00	750.00	Not applicable
	(c) Sole proprietorship	100.00	450.00	450.00	450.00	Not applicable

Amendment of Second Schedule

17. The Second Schedule to the principal Rules is amended in Part One, in the heading, by deleting the word “PROFESSIONAL”.

Amendment of Third Schedule

18. The Third Schedule to the principal Rules is amended—

- (a) in Part One, in subparagraph 9(a);
- (b) in Part Two, in subparagraph 9(a); and
- (c) in Part Three, in subparagraph 9(a),

by substituting for the words “clerk of works” the words “Inspector of Works”.

Amendment of Fourth Schedule

19. The Fourth Schedule to the principal Rules is amended—

(a) in Part One—

(i) by inserting after paragraph 4 the following paragraph:

"(4A) The period of payment of fee to the Architect shall be days from the date the fee is claimed (if no time period is stated the fee shall be paid within 28 days).";
and

(ii) by inserting after paragraph 5 the following paragraph:

"(6) *The amount referred to in subparagraph 8(c) of the Conditions of Engagement of an Architect on variation works shall be RM";

(b) in Part Two by inserting after paragraph 4 the following paragraph:

"(4A) The period of payment of fee to the Interior Designer shall be days from the date the fee is claimed (if no time period is stated the fee shall be paid within 28 days)."; and

(c) by inserting after Part Two the following Part:

“PART THREE

[Subrule 29(2)]

MEMORANDUM OF AGREEMENT BETWEEN THE CLIENT AND
THE BUILDING DRAUGHTSMAN FOR
PROVISION OF ARCHITECTURAL CONSULTANCY SERVICES

MEMORANDUM OF AGREEMENT made this day of20

BETWEEN
(hereinafter called “the Client”, which expression includes the legal representatives,
successors in title and permitted assigns) of the one part,

AND
practising as Building Draughtsman at
* under the style of (name of practice, if any)

.....
(hereinafter called “the Building Draughtsman”, which expression includes the legal
representatives, successors in title and permitted assigns) of the other part.

WHEREAS the Client is desirous of appointing the Building Draughtsman to provide
architectural consultancy services (describe the scope of works)

.....
for the project described herein (indicate project title and location).....
.....
(hereinafter called “the Project”)

NOW IT IS HEREBY agreed as follows:

1. The Client hereby appoints the Building Draughtsman to provide architectural consultancy services for the Project subject to and in accordance with the Conditions of Engagement of a Building Draughtsman as prescribed in the Architects Rules 1996 and the Building Draughtsman hereby accepts the appointment for the purpose of providing architectural consultancy services for the Client, subject to and in accordance with the Conditions of Engagement of a Building Draughtsman.
2. This Memorandum of Agreement, the Conditions of Engagement of a Building Draughtsman and the fees to be determined by the Board shall together constitute the Agreement between the Client and the Building Draughtsman.
3. In consideration of the Building Draughtsman providing the architectural consultancy services required, the Client hereby agrees to pay the Building Draughtsman in accordance with the fees to be determined by the Board.

4. The intervals of payment shall be *monthly / beginning from the commencement of the Building Draughtsman’s appointment.

5. The period of payment of fee to the Building Draughtsman shall be days from the date the fee is claimed (if no time period is stated the fee shall be paid within 28 days).

6. * The amount referred to in subparagraph 8(c) of the Conditions of Engagement of a Building Draughtsman on variation works shall be RM

IN WITNESS WHEREOF the parties have hereinto set their hands on the day and year first above written.

SIGNED BY :

.....
for and on behalf of
the CLIENT

.....
(Signature of Client)

In the presence of

Name:
(Witness)

Address :
.....
.....

.....
(Signature of Witness)

SIGNED BY:

.....
for and on behalf of the
BUILDING DRAUGHTSMAN

.....
(Signature of Building
Draughtsman)

In the presence of

Name :
(Witness)

Address :
.....
.....

.....
(Signature of Witness)

* delete whichever is not applicable

”

Made 24 November 2015
[KKR.PUU.110.1/2/2 Jld. 3; PN(PU2)45/VI]

DATUK Ar. PROF. Dr. AMER HAMZAH MOHD YUNUS
President
Board osssf Architects Malaysia

Approved 27 November 2015

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
Minister of Works